



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
Public Service Department Of Malaysia (PSD)  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)  
E-mel (E-mail): [zabidi@jpa.gov.my](mailto:zabidi@jpa.gov.my)

JPA.BK(S)134/4/8-3Jld.2(71)

19 Ogos 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**TEMPOH MINIMUM PEMANGKUAN SEBELUM DIPERTIMBANGKAN  
KENAIKAN PANGKAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sedia maklum, **kenaikan pangkat merupakan satu pengiktirafan** terhadap keupayaan pegawai melaksanakan tugas dengan cemerlang. Kenaikan pangkat juga mengambil kira kualiti pegawai yang merangkumi kepimpinan, personaliti, tata kelakuan dan peribadi seseorang penjawat awam.
3. Bagi tujuan kenaikan pangkat, pegawai perlu melalui proses pemangkuan yang bertujuan untuk **menilai keupayaan** pegawai melaksanakan tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi. Prestasi semasa pemangkuan dijadikan asas utama oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat seseorang pegawai.
4. Mengambil kira **kepentingan pemangkuan bagi urusan kenaikan pangkat**, maka penilaian ke atas prestasi pemangkuan pegawai perlulah dilakukan dengan teliti, objektif dan menyeluruh. Selaras dengan itu, Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 2013 pada 10 Mei 2013

telah memutuskan bahawa tempoh minimum pemangkuuan untuk pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memangku mulai 10 Mei 2013 adalah selama **satu (1) tahun** bagi membolehkan penilaian dilakukan dengan teliti, objektif dan menyeluruh.

5. Bagi pegawai **Gred Utama dan Gred Khas**, tempoh minimum pemangkuuan adalah selama **satu (1) tahun** seperti yang telah ditetapkan dalam surat JPA(S)134/1/4 Klt.8 (77) bertarikh 12 September 2012. Tempoh pemangkuuan bagi **Kumpulan Pelaksana masih kekal selama (6) bulan**.


6. Bagi memastikan kelancaran proses pertimbangan pengesahan kenaikan pangkat pegawai di agensi-agensi Kerajaan, kerjasama YB/YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan kertas cadangan kenaikan pangkat yang lengkap dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari selepas genap tempoh satu (1) tahun pemangkuuan** pegawai.

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**